

KONSEP DAN REALITI FIQH KEMAJMUKAN BERDASARKAN *SIRAH AL-NABAWIYYAH*

THE CONCEPT AND REALITY OF FIQH OF PLURALISM BASED ON THE SIRAH AL-NABAWIYYAH

Ahmad Amirul Bin Zulkifli ^{1*}
Wan Mohd Yusof Bin Wan Chik ²,
Abd Wahab Bin Md Ali ³
Mohd Marbawi Bin Taha ⁴
Ahmad Murshidi Bin Mustapha ⁵

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), University Teknologi Mara, (UiTM) Malaysia.
(E-mail: amirulabdsalam@gmail.com)

² Institut Penyelidikan Produk & Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin.
Terengganu Malaysia (E-mail: mohdyusof@unisza.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), University Teknologi Mara, (UiTM) Malaysia
(E-mail: abdulwahab@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), University Teknologi Mara, (UiTM) Malaysia
(E-mail: mohdmarbawi620@uitm.edu.my)

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), University Teknologi Mara, (UiTM) Malaysia
(E-mail: ahmadmurshidi@uitm.edu.my)

*Corresponding author: amirulabdsalam@gmail.com

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Zulkifli, A. A., Wan Chik, W. M. Y., Md Ali, A. W.,
Taha, M. M., & Mustapha, A. M. (2025). Konsep dan
realiti fiqh kemajmukan berdasarkan sirah al-
Nabawiyyah. *Journal of Islamic, Social, Economics
and Development (JISED)*, 10 (75), 1008 - 1015.

Abstrak: Islam merupakan agama yang memberikan perhatian khusus terhadap aspek keharmonian dalam sesebuah entiti masyarakat. Hal ini boleh dibuktikan menerusi kandungan ayat al-Quran, hadis Nabi SAW dan pengamalan melalui tatacara kehidupan Rasulullah SAW (sirah al-Nabawiyyah) yang banyak membahaskan perkara tersebut. Justeru kajian ini akan menjalankan analisis terhadap konsep fiqh kemajmukan. Kajian kualitatif ini akan mengupas pandangan ilmuwan Islam secara terperinci menggunakan metode induktif, deduktif serta komparatif. Hasilnya, kajian mendapati bahawa terdapat tiga dimensi utama dapat dipecahkan berdasarkan konsep fiqh kemajmukan untuk melahirkan sebuah masyarakat majmuk yang sejahtera. Tiga dimensi yang dimaksudkan adalah dimensi Makkah, dimensi Habsyah dan dimensi Madinah. Berdasarkan sorotan Sirah al-Nabawiyyah dapat disimpulkan sebuah model masyarakat majmuk sekali gus menolak dakwaan Islam menolak kemajmukan dan kepelbagaian dalam sesebuah entiti masyarakat. Kewujudan tiga dimensi ini sudah cukup membuktikan ketamadunan Islam sebagai sumber asas pembentukan masyarakat majmuk dan melahirkan solusi dan penyelesaian untuk kebaikan manusia sejagat.

Kata Kunci: Fiqh Kemajmukan, Keharmonian, Masyarakat, Majmuk

Abstract *Islam is a religion that places great emphasis on harmony within a community. This can be demonstrated through the content of the Quran, the Hadith of the Prophet (peace be upon him), and the practice of the Prophet's life (Sirah al-Nabawiyyah) which extensively discusses this matter. Therefore, this study will conduct an analysis of the concept of Fiqh Kemajmukan. This qualitative study will delve into Islamic scholars' perspectives in detail using inductive, deductive, and comparative methods. The results show that there are three main dimensions that can be broken down based on the concept of Fiqh Kemajmukan to create a harmonious society. These dimensions are referred to as the Makkah dimension, the Habsyah dimension, and the Madinah dimension. Based on the Sirah al-Nabawiyyah, a model of a harmonious society can be concluded, rejecting the claim that Islam rejects diversity and pluralism within a community. The existence of these three dimensions is sufficient to prove Islam as a source of foundation for building a harmonious society and providing a solution and solution for human welfare globally.*

Keywords: *Fiqh Kemajmukan, harmony, society*

Pengenalan

Kepelbagaian agama, bangsa, rumpun dan etnik merupakan satu fenomena biasa dalam kehidupan. Aspek kemajmukan masyarakat ini pada kebiasaannya akan melahirkan kondisi yang menzahirkan sifat majoriti atau minoriti antara kelompok yang ada. Berhubung hal ini timbul pelbagai isu sebagai impak dari jurang perbezaan dan kekuatan antara kelompok. Antaranya isu keadilan, kebebasan dan kesaksamaan dari sudut politik, sosial, ekonomi bahkan agama.

Dalam usaha mewujudkan keharmonian bermasyarakat, semua unit perlu bertanggungjawab dan bekerjasama ke arah mewujudkan persefahaman dan toleransi secara menyeluruh. Hal ini termasuklah penerimaan terhadap realiti persamaan dan perbezaan antara entiti yang ada dalam sesebuah masyarakat (Wan Mohd Yusof Wan Chik, 2010).

Kegagalan dalam menguruskan fenomena kemajmukan akan menimbulkan kesan negatif dalam sesebuah masyarakat. Aspek kestabilan sesebuah masyarakat dan negara akan goyah apabila kewujudan sesebuah entiti tergugat atau terancam. Justeru elemen rasa selamat, sejahtera dan damai keseluruhan rakyat adalah teramat penting dipelihara dalam usaha mewujudkan kestabilan sesebuah masyarakat dan negara.

Realiti Kemajmukan Dan Kepelbagaian Menurut Islam

Fiqh Kemajmukan secara umumnya adalah salah satu perbahasan kecil dalam Fiqh al-Dawlah. Ia merupakan satu usaha untuk menggariskan cabang disiplin ilmu Fiqh yang baru, khusus bagi menangani keperluan mereka yang hidup dalam keadaan majoriti atau minoriti Muslim. (Tauseef Ahmad Parray, 2012). Perbahasan ini belum diketengahkan secara meluas terutamanya dalam masyarakat majmuk. Asas-asasnya dibentuk berdasarkan nas, sejarah dan kebijaksanaan Fiqh Islam.

Kata “Kemajmukan” merupakan kata terbitan berapitan bagi kata dasar “majmuk”. Kata ini di apit dengan imbuhan apitan “ke” dan “an” (Nik Safiah Karim & Farid M. Onn & Hasshim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2009). Kebiasaannya kata ini boleh digabungkan dengan pelbagai golongan kata sama ada golongan kata kerja, kata nama, mahupun kata sifat. Ia membawa maksud kepada penerangan sesuatu hal yang terdapat dalam kata dasar (Radzi, H., Sultan, F. M. M., Jalaluddin, N. H., & Ahmad, Z., 2012). Perkataan kemajmukan dibentuk

daripada tiga morfem iaitu (ke + majmuk + kan). Ia juga dikenali sebagai morfem terikat kerana diikat dengan kata dasar iaitu majmuk (Nik Safiah Karim & Farid M. Onn & Hasshim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2009). Berdasarkan Kamus Dewan edisi keempat, kata kemajmukan diertikan sebagai sifat atau keadaan majmuk dan kepelbagaian yang terdapat dalam sesuatu (gabungan atau kesatuan) (Noresah Baharom, 2016). Konsep ini menurut Islam digagaskan berdasarkan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ١٣

Maksudnya: *Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*

(Surah al-Hujurat:13)

Al- 'Adawi ketika mengulas penggunaan permulaan kalimah yang digunakan berdasarkan ayat di atas “*YÉ ayyuha al-NÉs*” “wahai sekalian manusia” bukan “*YÉ ayyuha la dzÉy naÉmanÉ*” “wahai orang-orang yang beriman” menunjukkan satu kemunasabahan ayat berdasarkan ayat selepasnya yang bermaksud: “Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan”. Ayat ini menunjukkan proses penciptaan setiap manusia secara umumnya lahir daripada persenyawaan antara air mani lelaki dan perempuan, ini bermakna ia tidak terhad kepada orang-orang beriman sahaja bahkan seluruh manusia umumnya melalui proses tersebut (Al-'Adawy, Abu 'Abd Allah Musta, 2007). Jaydal menambahkan lagi bahawa lafaz umum ini termasuk beriman atau kafir, miskin atau kaya, hamba atau merdeka, kecil atau besar. (Jaydal, 'Ammar Jaydal, t.th).

Surah al-Hujurat ayat ke-13 menjelaskan tentang aspek kepelbagaian dan kemajmukan merupakan satu fenomena biasa dalam kehidupan. (Al-Syanqitiy, Muhammad al-Amin bin Muhammad bin al-Mukhtar, (1995) Suasana masyarakat yang harmoni dengan tertegaknya keamanan, keadilan, kebebasan dan kedamaian adalah idaman bagi setiap unit komuniti kecil mahupun negara. Al-Quran menggambarkan keharmonian hidup dalam suasana negara dan tempat yang baik berdasarkan surah Saba':15.

Kemajmukan dan kepelbagaian sesebuah masyarakat di dunia ini telah menzahirkan sifat majoriti atau minoriti antara kelompok yang ada. Dalam hal ini, pelbagai isu yang timbul atau dicetuskan sebagai impak daripada jurang perbezaan dan kekuatan antara setiap intiti masyarakat. Hal ini merupakan antara penyumbang kepada keretakan keharmonian dan kestabilan sesebuah entiti bermasyarakat.

Mutakhir ini, isu kemajmukan dalam sesebuah masyarakat dan diskriminasi hak merupakan satu permasalahan global yang dilihat tiada noktahnya. Hal ini telah melahirkan jurang perbezaan, perbalahan, keganasan, perebutan kuasa, rampasan tanah, ketidakpuasan hati dan peperangan yang telah berlaku di beberapa negara seperti Palestin, Bangladesh, Afghanistan,

Iraq, Iran, Yaman, Syria, Kasymir, Myanmar, Rohingya (Rakhine) dan Uighur (Xinjiang, China), Lubnan, Bosnia, Rwanda, Ambon, dan Maluku (Indonesia).


Pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia pada hari ini juga telah mengundang pelbagai masalah yang sukar dihalak dalam hubungan antara kaum dan agama. Dasar penjajah yang menjalankan polisi “**pecah dan perintah**” telah berjaya mewujudkan polarisasi antara kaum, bangsa dan agama di negara ini. (Al-Zuhaily, 2009). Berpegang dengan faham perkauman di samping mewujudkan pola pemisah dengan alasan dapat mengukuhkan kekuatan hamegoni seperti yang diamalkan oleh Barat berdasarkan “konsep peradaban” adalah tidak benar (al-Nursi, 1992). Hal ini terbukti berdasarkan beberapa cetusan rusuhan melibatkan kaum dan agama seperti peristiwa 13 MEI 1969, peristiwa Kampung Medan dan seumpama dengannya.

Untuk mengekang hal ini, satu pendekatan keharmonian dalam sesebuah masyarakat majmuk seperti yang digariskan oleh Rasulullah SAW perlu diteliti kembali melalui garapan daripada Sirah al-Nabawiyah. Secara umumnya, gagasan konsep dan indikator-indikatornya telah wujud dalam Islam. Cuma masyarakat kini tidak memahaminya lantaran kajian mengenainya belum diketengahkan secara meluas di samping disusun secara berasingan. Antara objektif utama adalah bagi menangani keperluan masyarakat yang hidup dalam lapangan kehidupan samaada majoriti atau minoriti Muslim. (Tauseef Ahmad Parry, 2012)

Kefahaman terhadap onsep ini amat penting bagi memelihara kestabilan dan keutuhan dalam mewujudkan suasana yang harmoni antara entiti masyarakat yang ada. Oleh itu, usaha-usaha untuk mengetengahkan kembali peranan Islam adalah sangat wajar kerana hakikat sebenar yang ditunjukkan berdasarkan contoh interaksi kepimpinan Rasulullah SAW yang telah didirikan di Madinah telah memperkenalkan satu solusi masyarakat majmuk di samping memperkenalkan piagam atau perlembagaan yang tertib dan amat tersusun yang tidak pernah didahului oleh mana-mana perlembagaan dan pemerintahan di dunia ini (Mahathir Mohamad, 2005).

Panduan yang digariskan oleh Rasulullah SAW telah menunjukkan satu gambaran keharmonian dan ruang interaksi antara masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam, misalnya, dengan merujuk kepada tiga metodologi penting iaitu, minoriti yang ditindas (Makkah), minoriti yang dihormati dan dilindungi (Habsyah) dan majoriti yang berwibawa (Madinah al-Munawwarah).

Aspek ini juga secara jelas menghurai peranan masyarakat Islam dalam melengkapi segala dimensi masyarakat majmuk yang bermula daripada minoriti (peringkat bawah) hingga majoriti yang berwibawa atau peringkat yang lebih tinggi sehingga mencapai tahap kesempurnaan dalam sesebuah Masyarakat.



Rajah 1: Dimensi Masyarakat Berdasarkan Sirah al-Nabawiyyah

Gambaran sirah yang dilakarkan ini menunjukkan bahwa Islam boleh dilaksanakan di semua tempat. Apabila ia berada dalam keadaan minoriti ia meraikan keadaan yang ada secara toleransi, manakala apabila ia berada dalam keadaan majoriti yang berkuasa atau berwibawa ia tidak menindas dan menzalimi.

Analisis panduan dalam pembentukan model masyarakat majmuk dalam garapan *sirah al-nabawiyyah*

- Pembentukan model masyarakat majmuk dapat diadaptasi berdasarkan sorotan dari Sirah al-Nabawiyyah dengan merujuk kepada tiga metodologi penting iaitu situasi masyarakat minoriti yang ditindas (Makkah), masyarakat minoriti yang dihormati dan dilindungi (Habsyah) serta masyarakat majoriti yang berwibawa (Madinah al-Munawwarah).
- Pemeriksaan kepada konsep ini perlu ditunjangi dengan kefahaman awal terhadap demografi, geografi, sejarah awal, kependudukan dan status agama iaitu Makkah, Habsyah dan Madinah supaya interaksi antara masyarakat tersebut dapat diterokai dan dianalisis dengan sempurna.
- Ketiga-tiga model masyarakat dalam *Sirah al-Nabawiyyah* mempunyai elemen interaksi yang berbeza untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dalam melengkapi segala dimensi masyarakat majmuk yang bermula daripada minoriti yang ditekan (peringkat bawah), minoriti yang dihormati (peringkat menengah) dan majoriti yang berwibawa (peringkat yang lebih tinggi) sehingga mencapai tahap kesempurnaan dalam sesebuah masyarakat dalam mengukuhkan prinsip kesejagatan bersama. Interaksi dalam ketiga-tiga model adalah seperti berikut:

Model Makkah yang mewakili entiti masyarakat minoriti yang ditekan). Terdapat lima asas dalam berinteraksi dengan masyarakat majmuk iaitu:

1. Menggunakan metodologi dakwah yang sesuai.
2. Mempertahankan prinsip-prinsip Islam.
3. Aplikasi kaedah “*al-DarĒrah tubih al-MahzurĒt*”
4. Keharusan meninggalkan syiar dalam keadaan minoriti yang ditekan.
5. Larangan melayani provokasi dan serangan.

Interaksi-interaksi ini berlanjutan selama 13 tahun, dengan dua fasa utama yang dicerakinkan iaitu dakwah secara rahsia (*Sir bi al-Da`wah*) selama 3 tahun dan dakwah secara terbuka (*Alaniyyah bi al-Da`wah*) selama 10 tahun.

Model Habsyah (yang mewakili entiti masyarakat minoriti yang dihormati). Terdapat lima asas dalam berinteraksi dengan masyarakat majmuk iaitu:

1. Menggunakan metodologi dakwah yang sesuai.
2. Menyantuni *al-siyĒdah* (ketuanan) setempat.
3. Penggunaan strategi yang betul.
4. Kebergantungan kepada Allah SWT.
5. Memilih ketokohan untuk memberi penjelasan balas yang berhikmah.

Interaksi-interaksi ini berlanjutan selama tiga tahun tiga bulan, dengan dua fasa utama yang dicerakinkan iaitu hijrah kali pertama selama tiga bulan dan hijrah kali kedua selama tiga tahun.

Model Madinah (yang mewakili entiti masyarakat majoriti yang berwibawa). Terdapat lima asas utama dalam berinteraksi dengan masyarakat majmuk iaitu:

1. Menggunakan metodologi dakwah yang sesuai.
2. Menyatukan perpaduan antara masyarakat setempat.
3. Membina instrumen perlembagaan, peraturan dan hukuman.
4. Pengaplikasian konsep al-Tadarruj dalam pembinaan masyarakat.
5. Melayani entiti kepelbagaian (bukan Islam) mengikut tahap dan pola interaksi yang diberikan.

Interaksi-interaksi ini berlanjutan selama 10 tahun, dengan dua fasa utama yang dicerakinkan iaitu 5 tahun pertama sebagai majoriti yang berwibawa dan 5 tahun terakhir sebagai majoriti yang gemilang.

Berdasarkan ketiga-tiga model yang diterapkan, wujud 15 asas yang boleh dijadikan garis panduan atau dasar dalam berinteraksi dalam sesebuah masyarakat majmuk. Kesemua interaksi ini telah disepadukan dengan akidah, fiqh, sirah dan akhlak sehingga membawa kepada suatu keyakinan bahawa manhaj yang ditonjolkan dalam Sirah al-Nabawiyah sangat relevan untuk diterapkan dalam sesebuah masyarakat yang bersifat majmuk dan boleh diaplikasikan kepada setiap entiti kemajmukan masyarakat.

Kesimpulan

Melalui pendekatan Fiqh Kemajmukan, sebanyak 15 bentuk interaksi telah dirumuskan melalui tiga model utama: Model Makkah (minoriti yang ditekan), Model Habsyah (minoriti yang dihormati), dan Model Madinah (majoriti yang berwibawa). Setiap model mewakili strategi sosial-politik yang sesuai dengan realiti masyarakat semasa, dan memberi garis panduan praktikal dalam menegakkan keadilan dan persamaan secara kontekstual. Justeru, integrasi

prinsip al-‘adālah dan al-musāwah dengan pendekatan Fiqh Kemajmukan mampu mewujudkan suatu kerangka holistik yang bukan sahaja menjaga hak individu dan masyarakat, tetapi turut menyumbang kepada kestabilan dan keharmonian nasional.

Dengan memahami dan mengaplikasikan prinsip-prinsip ini dalam pelbagai dimensi masyarakat, baik melalui warisan keilmuan turath mahupun kerangka kontemporari, masyarakat Islam dapat berperanan sebagai agen perpaduan dan keadilan yang inklusif. Maka, keadilan yang ditegakkan bukan hanya untuk umat Islam, tetapi merangkumi seluruh lapisan masyarakat dalam sesebuah negara berbilang kaum dan agama.

Rujukan

- ‘Umar, Ahmad Mukhtar ‘Umar, (2008) *Mu’jam al-Lughah al-Arabiah al-Mua’sirah*, jil 2, hlm 1464, Qahirah: Dār ‘Alam al-Kutub.
- Al- Syarif, Muhammad Musa, (2003) *al-Taqaarub wa al-Ta’ayush ma’a Ghairi al-Muslimin*, , ed 1, hlm 36, Jeddah: Dār Andalus Khadra’.
- Al-‘Adawy, Abu ‘Abd Allah Mustafa, (2007) *Al-Tashil li Ta’wil al-Tanzil - Surah al-Hujrat*, hlm 189, Jedah: Dār Majid ‘Asiry.
- Al-Azhārī, Muhammad bin Ahmad, (t.th), *Tahdhīb al-Lughah*, jil 2 , hlm 1120, Al-Qāhirah : Dār al-Ma’rīyah li al-Ta’līf wa al-Tarjamah.
- Al-Bash, Hasan, (2005) *Sidam al-Hadarat: Hatmiyyah al-Qadariyyah am Lawthah Basyariyyah*, hlm 4, Bayrut: Dār Qutaybah.
- Al-Harwi, Muhammad bin Ahmad bin al-Azhari, (t.th) *Al-Zahir fi Gharib al-faz al-Syafi’ie*, hlm 191, Bayrut: Dar al-Tola’I.
- Al-Kalbiy, Abu Qasim Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin ‘Abd Allah, (1416 H), *al-Tashil li Ulum al-Tanzil*, , jil 2 hlm 294, Bayrut: Syarikah Dār al-Arqam bin Abi al-Arqam,
- Al-Khatib, ‘Abd al-Karim bin Yunus, (t.th), *Tafsir al-Qur’an li al-al-Qur’an*, jil 13, hlm 432, Qahirah: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy.
- Al-Nu’Maniy, Abu Hafs Siraj al-Din ‘Umar bin ‘Aliy bin ‘Adil al-Hanbaliy, (1998) *Al-Lubab fi ‘Ulum al-Kitab*, jil 17 hlm 520, Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nursi, Badi’ al-Zaman Sa’id, *al-Maktubat*, Terj. Ihsan Qasim al-Salihi, Istanbul: Syarikat al-Nasl li al-Tiba’ah, 1992 hlm 393.
- Al-Rāzī, Zayn al-Dīn Muhammad ibn Abī Bakr, (1987), *Mukhtār al-Sifāh*, hlm 509, Bayrut: Dār al-Ba’lā’ir.
- Al-Syanqitiy, Muhammad al-Amin bin Muhammad bin al-Mukhtar, (1995) *Adwa’ al-Bayan fi Idohi al-Quran bi al-Quran*, Juz 6, surah al-Hujrat ayat 13, hlm 414, Bayrut: Dār al-Fikr.
- Al-Syarah, Yusuf Hasan, (2000) *Mada al-Dukhul al-Ummah fi al-Khitab al-Muwajjah ila al-Nabi*, *Journal of Faculty of Syaria, Law and Islamic study*, bil 20, hlm 122, Qatar: Qatar University.
- Al-Tha’labiy, Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim, (2002) *Al-Kasyaf wa al-Bayan ‘an Tafsir al-Qur’an*, jil 9 hlm 64, Bayrut: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabiyy.
- Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud bin ‘Amru bin Ahmad, (1407 H) *Al-Kasyaf ‘an Haqiq Ghawamidh al-Tanzil*, jil4, hlm 349, Bayrut: Dār al-Kitab al-‘Arabi.
- Al-Zuhaili, Muhammad, (2015), *al-Mu’tamad fi Fiqh al-Syafi’i*, ed 5, jil 1, hlm 9 Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Al-Zuhaili, Wahbah al-Zuhaili, *Mausu’ah al-Fiqh al-Islami wa al-Qadaya al-Mu’asirah*, Damsyiq: Dar al-Fikr al-Mu’asir, 2010, ed 1, Jil 12, hlm 424.
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa bin Mustafa, (1418 H) *Al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah, wa al-Syari’ah wa al-Manhaj*, ed 2, jil 26 hlm 248 Damsyiq: Dar al-Fikr al-Mu’asir,

- Al-Zuhailiy, Wahbah bin Mustafa al-Zuhailiy,(2011), *Pengantar Fiqh Masyarakat Bukan Islam*, hlm 2, Selangor: Persatuan Ulama Selangor.
- Bangladesh 2024: Rusuhan ini mengakibatkan 174 terbunuh dan 2500 cedera. Lihat, <https://www.hmetro.com.my/global/asia/2024/07/1114513/rusuhan-di-bangladesh-174-maut-2500-ditangkap>
- BBC news (2017,24 October) Myanmar profile timeline :*A chronology of key events*, diakses pada 2 November 2017, diakses dari <http://www.bbc.com/news/world-asia-pacific-12992883>
- Fakhr al-Din al-Raziy, Abu ‘Abd AllÉh Muhammad bin ‘Umar bin al-Hasan bin al-Husin al-Taymiy (1402 H), *Mafatih al-Ghaib au Tafsir al-Kabir*, ed 3, jil 28, hlm 112, Bayrut: Dār Ihya’ al-Turath al-‘Arabiy.
- Francoise Reviere,(2009) Diversity, *a synonym for culture*, No.5:3, *The UNESCO Courier*.
<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kemajmukan&d=205708&#top> diakses pada 3 Julai 2018.
- Imam Ahmad, Abu Abd AllÉh hmad bin Muhammad bin Hanbal al-Syaibani (2001), *Musnad al-Imam Ahmad, kitab Mukathirin min al-Sahabah , Bāb Musnad ‘Abd Allah bin ‘Amr al-‘As Radiallah anhum*, juz 14, hlm 349, no hadith 8736, Bayrut: Muathathah al-Risalah.
- Istilah MABBIM <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kemajmukan&d=286464&>. diakses pada 3 Julai 2018
- J. Martin Ramirez, (2007), Peace Through Dialogue, *International Journal on World Peace*, XXIV (1):65-81.
- Jaydal, ‘Ammar Jaydal, (2004) *al-Wazifah al-Ijtima‘iyyah li al- Maqasid Rasa’il al-Nur, al-mu’tamar al-‘Alami al-Sabi’ li al- Badi’ al-Zaman Sa’id al-Nursiy:Mumarathah Hayah Imaniyyah Fa’ilah fi al-Salam wa Wi’am fi ‘Alam Muta’adid al-Thaqafat min Khilal al-Rasa’il al-Nur*, hlm. 133.
- Mahmood Zuhdi Hj Abdul Hamid,(1994) *Islam dalam Perhubungan Antarabangsa*, hlm 207-209, Selangor:Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Mohammad Jamal Daoudi, (2005), *Bridger building Between Christianity (St. John Episcopal Crurch) and Islam (The Islamic Association of West Virginia,,*hlm 85, Tesis Dr. Fal, United Theological Seminary, Dayton, Ohio.
- Muhammad al-Khalifah, Hasan Ahmad, (1988), ‘*Alaqah al-Islam bi al-Yahudiyyah: Rukyah al-Islamayyah fi al-Masodir al-Taurat al-haliyah*, hlm. 40-45, Qahirah: Dār al-Saqafah li al-Nasyr wa al-Tauzi’.
- Munif Zariruddin & Fikri Nordin, (2016) *Wacana Kepimpinan Rasulullah SAW*, hlm 115, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim & Farid M.Onn & Hasshim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood, (2009) *Tatabahasa Dewan*, ed 3, hlm 70, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Noresah Bt Baharom (2016), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Ed 2, hlm 1772, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Radzi, H., Sultan, F. M. M., Jalaluddin, N. H., & Ahmad, Z. Analisis bahasa komunikasi bangsa minoriti Negrito menerusi pengimbuhan dan peminjaman kata, *I2(3)*, 2012, hlm 13, *GEMA Online® Journal of Language Studies*, .
- Tauseef Ahmad Parray, *The Legal Methodology of Fiqh Aqalliyyat and its Critics – An Analytical Study*, *Journal of Muslim Minority Affairs*, 32, no. 1 (2012): 88-107.
- Tun Dr. Mahathir Mohamad, *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2005, hlm 3.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, (2010) *Pemakaian Kaedah Hukum Islam Secara Bersepadu Dalam Penentuan Hukum Islam Di Malaysia*, hlm, Tesis PhD, Universiti Malaya.